

30/01/2002

Buka minda untuk kebaikan ummah: PM (HL)

Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Selasa - Umat Melayu Islam bukan saja perlu mempunyai minda terbuka tetapi harus memastikan keterbukaan itu mampu menyumbang ke arah kebaikan ummah.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun minda umat Melayu Islam sebenarnya sudah lama terbuka, kebanyakan perkara yang memasuki minda terbuka itu tidak membina.

Sehubungan Perdana Menteri berkata, katanya, masyarakat Melayu Islam perlu mengenal pasti apa yang perlu diubah dan diamalkan untuk mendapatkan manfaat daripada minda yang terbuka.

"Umpamanya, 'fundamental' atau asas Islam amat mudah. Apa yang diwajibkan sedikit saja. Untuk menjadi orang yang beragama Islam, apa yang diwajibkan ialah menaik saksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan nabi Muhammad adalah pesuruh Allah.

"Tetapi kita suka menokok tambah pelbagai syarat sebelum orang yang sudah pun Islam diterima sebagai orang Islam. Dengan ini, perhubungan sesama Melayu Islam menjadi tegang dan buruk," katanya menyampaikan ucapan perdana pada Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam hari ini.

Persidangan tiga hari anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka itu diadakan di Hotel Crowne Princess di sini. Ia disertai lebih 500 cendekiawan Melayu Islam dari seluruh negara, Brunei, Indonesia, Singapura dan Thailand.

Dr Mahathir berkata, pemikiran terbuka membolehkan orang Melayu Islam menerima ajaran agama yang mengambil kira perubahan keadaan sepanjang masa, mereka tidak akan ketinggalan zaman.

Sehubungan itu, katanya, minda terbuka bagi masyarakat Melayu Islam hendaklah terbuka kepada yang benar dan nyata.

"Yang benar dan nyata sekarang ini ialah kedaifan orang Melayu Islam dan ketidakmampuan mereka. Yang benar dan nyata ialah di negara sendiri kita terpaksa bergantung kepada kaum lain untuk membangun memperkayakan negara kita, dan banyak urusan dalam masyarakat dirancang dan dilaksanakan oleh kaum lain.

"Dari segi hubungan antarabangsa, yang benar dan nyata ialah Melayu Islam tidak dapat mendirikan negara yang dapat membantu dan menolong menyelamatkan orang tertindas dan daif, terutama umat Islam dan banyak lagi kelemahan orang Melayu Islam dalam menangani hubungan antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam menilai sifat yang ada pada diri sendiri, tidak ada tempat bagi perasaan malu mengenai kelemahan diri dan kesombongan tidak berasas.

Selepas mengenal pasti kualiti lemah pada diri sendiri, masyarakat Melayu Islam tidak harus malu untuk menerima dan mengamal nilai orang lain walaupun mereka daripada kaum dan bangsa yang kurang disenangi.

"Apa yang jelas, minda terbuka adalah suatu sikap baik yang perlu dimiliki orang Melayu Islam. Namun, minda yang terbuka harus disampangi oleh keupayaan menilai dan memilih yang jernih serta membuang yang keruh. "Yang benar dan nyata harus diakui walaupun pedih dan yang benar dan nyata, harus memandu pemikiran yang terbuka. Akhirnya perubahan perlu diterima, termasuk perubahan budaya bangsa tanpa menghilangkan identiti bangsa," katanya.

Dr Mahathir berkata, minda orang Melayu berkait rapat dengan minda Islam kerana Melayu tidak boleh dipisahkan daripada Islam.

Bagaimanapun, turut mempengaruhi orang Melayu Islam bukanlah agama semata-mata kerana mereka mempunyai budaya tersendiri iaitu sistem nilai hidup yang tidak diasaskan kepada agama Islam.

Katanya, sesuatu yang ada pada orang Melayu dahulu dan masih ada pada mereka sekarang ialah kegemaran kepada perkara mudah sehingga menyebabkan apa dimiliki mereka tergadai.

"Apabila dijanji oleh saudagar Cina, kutipan cukai yang tinggi dan tetap, raja-raja Melayu memberi monopoli cukai dan penjualan candu kepada saudagar Cina.

"Kemudian datang British yang berjanji dengan menggunakan nasihat mereka, pentadbiran negeri Melayu akan lebih tertib dan pencen tetap serta kemudahan hidup yang luar biasa akan dinikmati oleh raja Melayu.

"Dengan janji ini, kuasa penuh diberi kepada penjajah untuk mentadbir mengikut kehendak mereka dan kehidupan menjadi lebih mudah tetapi negeri tergadai," katanya.

Dr Mahathir berkata sikap itu masih berterusan sehingga ada orang Melayu mudah menjual kemudahan perniagaan yang diperolehi daripada kerajaan daripada memanfaatkannya sendiri.

(END)